



Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2 Jld. 6 (66)

Tarikh: 08 Mac 2019

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2019**

**SYARAT-SYARAT BELAJAR SEMULA (MENGULANG) KE TINGKATAN LIMA
DI SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN BAGI SESI
PERSEKOLAHAN TAHUN 2019**

Surat Siaran ini bertujuan untuk memaklumkan Syarat-Syarat Belajar Semula (Mengulang) ke Tingkatan Lima di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Bagi Sesi Persekolahan Tahun 2019.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan, semua murid warganegara di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan sama ada yang telah ataupun tidak menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2018, boleh memohon belajar semula (mengulang) ke Tingkatan Lima di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan bagi sesi persekolahan tahun 2019. Syarat-syarat belajar semula (mengulang) adalah seperti berikut:

- 2.1 murid tidak pernah tertangguh tahun persekolahan dalam mana-mana tingkatan pada tahun sebelumnya;
- 2.2 murid pernah berdaftar sebagai calon SPM 2018 di sekolah kerajaan/ sekolah bantuan kerajaan;
- 2.3 murid lahir pada tahun 2001 atau tahun 2000 bagi yang mengikuti Kelas Peralihan sahaja; dan

2.4 murid yang diterima untuk belajar semula (mengulang) ke Tingkatan Lima hendaklah mengambil enam mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral.

3. Penerimaan murid untuk belajar semula (mengulang) ke Tingkatan Lima, tidak boleh melibatkan pembukaan kelas tambahan di sekolah-sekolah **kecuali** setelah mendapat kebenaran daripada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia.

4. Jika bilangan kekosongan di kelas Tingkatan Lima sedia ada melebihi bilangan permohonan murid yang ingin belajar semula (mengulang), YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan boleh membenarkan pihak sekolah menerima semula murid-murid ini untuk belajar, sementara semakan permohonan di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dilakukan. Pihak sekolah hendaklah menghantar Senarai Bersepadu (Borang SV yang dilampirkan) dan mengesahkan murid-murid ini telah mematuhi syarat di perenggan 2.

5. Bagi kes permohonan yang melibatkan murid-murid tidak menduduki Peperiksaan SPM pada tahun 2018 atas sebab-sebab kesihatan, keselamatan, kemalangan, gangguan emosi atau tertangguh persekolahan, pihak YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan boleh mempertimbangkan permohonan mereka untuk belajar semula (mengulang) ke Tingkatan Lima. Walau bagaimanapun, sebelum keputusan dibuat, dokumen-dokumen berikut hendaklah disemak dan disahkan terlebih dahulu, iaitu:

- 5.1 salinan Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan (tahun lahir seperti pada perenggan 2.3);
- 5.2 salinan Kenyataan Belajar Peperiksaan (KKP);
- 5.3 surat Akuan Doktor (jika sebab kesihatan atau kemalangan);
- 5.4 tempoh dan sebab tidak hadir ke sekolah;
- 5.5 surat sokongan daripada Pengetua; dan
- 5.6 dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

6. Bersama-sama ini dilampirkan borang-borang berkaitan untuk panduan dan tindakan YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan selanjutnya:

- 6.1 Permohonan Belajar Semula Di Tingkatan Lima - (Borang TV);
- 6.2 Senarai Bersepadu - (Borang SV); dan
- 6.3 Analisis Penempatan Murid Belajar Semula ke Tingkatan Lima – (Lampiran SA)

7. Pihak sekolah hendaklah memastikan tindakan berikut:

- 7.1 Borang TV yang dikemukakan telah diisi dengan lengkap; dan
- 7.2 **Dua (2)** salinan Borang SV dan **Dua (2)** salinan Borang TV dihantar ke JPN dalam tempoh 14 hari selepas keputusan SPM 2018 diumumkan.

8. Murid-murid hendaklah mendaftar untuk belajar semula (mengulang) ke Tingkatan Lima selepas keputusan SPM 2018 diumumkan dan tarikh bagi pendaftaran peperiksaan SPM 2019 adalah tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan, KPM.

9. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di JPN, pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,



MOHD JAMIL BIN MOHAMED

b.p. Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Menteri Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Menteri Pendidikan
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia

Permohonan Belajar Semula ke Tingkatan Lima

Catatan : Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan permohonan akan ditolak.

- I
1. Nama murid :
 2. No. Kad Pengenalan :
 3. Tarikh Lahir : Jantina : Lelaki / Perempuan
 4. Sekolah yang dimohon :
 5. Adakah mengikuti kelas peralihan di sekolah menengah? : Ya / Tidak
 6. Adakah pernah tertangguh tahun persekolahan di Sekolah Menengah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan? : Ya / Tidak
 7. Adakah Murid Berkeperluan Khas (MBK)? : Ya / Tidak
Nyatakan kategori MBK
 - Nyatakan nama sekolah terakhir :
 - Tingkatan : Tahun :
 8. Senaraikan kejayaan-kejayaan di bidang kokurikulum/sukan/permainan (misalnya: wakil di peringkat kebangsaan/negeri/sekolah) dan jawatan penting yang dipegang dalam persatuan-persatuan sekolah dan lain-lain:
.....
.....

II Keputusan Penuh Peperiksaan SPM

Angka Giliran : No. Pusat Peperiksaan :

<u>Mata Pelajaran</u>	<u>Gred</u>	<u>Mata Pelajaran</u>	<u>Gred</u>
i. Bahasa Malaysia	ix Biologi
ii. Bahasa Inggeris	x Pend. Islam / Pend. Moral
iii. Matematik	xi Matematik Tambahan
iv. Sejarah	xii
v. Geografi	xiii.
vi. Sains	xiv.
vii. Fizik	xv.
viii. Kimia	xvi

Saya akui bahawa keterangan di perenggan I dan II adalah benar.

.....
Tandatangan Murid

Ulasan Pengetua : Disokong / Tidak Disokong

Cap Sekolah :

Tarikh :

Nota :

.....
Tandatangan Pengetua

Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen berikut :

- i. Salinan Sijil Kelahiran
- ii. Salinan Kad Pengenalan
- iii. Salinan Keputusan SPM Tahun
/ Kenyataan Kemasukan Peperiksaan

-----**JAWAPAN**-----

Jabatan Pendidikan Negeri

Tarikh : _____

Kepada :

Permohonan tuan/puan mengulang di Tingkatan Lima tahun diluluskan / tidak diluluskan.

Anda ditempatkan di Sekolah Menengah _____

.....
Pengarah
Cap Jabatan

s.k Pengetua

Borang SV

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri.....

**Permohonan Belajar Semula (Mengulang) ke Tingkatan Lima Tahun
Senarai Bersepadu Untuk Calon-Calon Yang Berkelayakan**

Bil	Nama Murid	Tarikh Lahir	Sijil / Tanpa Sijil	Aliran	Melalui Kelas Peralihan	Murid Berkeperluan Khas (MBK)	Ulasan Guru/Pengetua (Jika Ada)
1							
2							
3							
4							
5							
6							
7							
8							
9							
10							

Akuan Pengetua

1 Saya telah menyemak dan mengesahkan bahawa maklumat dalam borang-borang permohonan adalah benar.

2 Bilangan kelas dan murid di Tingkatan Lima sekarang

- i Bilangan kelas aliran sains : Jumlah murid :
- ii Bilangan kelas aliran kemanusiaan : Jumlah murid :
- iii Bilangan kelas aliran agama : Jumlah murid :
- iv Bilangan kelas aliran teknikal : Jumlah murid :

- Jumlah kelas : Jumlah murid :

3 Saya boleh menerima orang calon.

- i orang calon aliran sains.
- ii orang calon aliran kemanusiaan.
- iii orang calon aliran agama.
- iv orang calon aliran teknikal.

4 Bersama-sama ini saya sertakan borang-borang permohonan calon yang memenuhi syarat-syarat untuk belajar semula (mengulang) ke Tingkatan Lima Tahun

.....
Tandatangan Pengetua

Nama Penuh :

Cap Sekolah :

Tarikh :

ANALISA PENEMPATAN MURID BELAJAR SEMULA (MENGULANG) DI TINGKATAN 5 (LIMA) TAHUN

NEGERI :

SEKOLAH	BILANGAN MURID YANG BELAJAR SEMULA (MENGULANG) KE TINGKATAN LIMA				ALIRAN/MIRIP	M/B	C	I	LAIN-LAIN	JUMLAH
	M/B	C	I	LAIN-LAIN						
SMK					SAINS					
					TEKNIKAL	TEK & VOK				
						MPV				
					KEMANUSIAAN					
					AGAMA					
					JUMLAH					
SMJK					SAINS					
					TEKNIKAL	TEK & VOK				
						MPV				
					KEMANUSIAAN					
					AGAMA					
					JUMLAH					
SMKA					SAINS					
					TEKNIKAL	TEK & VOK				
						MPV				
					KEMANUSIAAN					
					AGAMA					
					JUMLAH					
					JUMLAH					
					JUMLAH BESAR					

NOTA :

M/B : MELAYU / BUMIPUTERA

C : CINA

I : INDIA

Disahkan oleh

.....
(Pengarah Pelajaran Negeri)